A **Lengkapkan petikan di bawah dengan kata bantu dan kata bilangan yang betul.**

telah | sepuluh | pernah | segera | belum | masih | sesetengah | akan

Beberapa orang murid di sekolah saya muntah-muntah setelah makan nasi lemak di kantin. Saya bernasib baik kerana (1) _____ menjamah makanan tersebut kerana saya asyik berbual dengan Fahmi. Keadaan (2) _____ menjadi kecoh apabila (3) _____ murid menangis sambil memegang perut. Pihak sekolah (4) _____ menghubungi hospital. Kes begini (5) _____ berlaku di sekolah ini (6) _____ tahun yang lalu. Pada masa itu saya (7) _____ belajar di sekolah rendah. Pihak jabatan kesihatan (8) _____ membuat pemeriksaan di kantin pada petang ini.

Segmen Bahasa

Kata Bantu

1. Kata bantu ialah kata yang digunakan untuk membantu menerangkan sesuatu kata kerja, kata adjektif, dan kata sendi nama.
2. Terdapat dua jenis kata bantu, iaitu:
   (a) kata bantu aspek
   (b) kata bantu ragam

Kata Bilangan

1. Kata bilangan ialah kata yang menunjukkan jumlah sesuatu kata nama.
2. Ada enam jenis kata bilangan, iaitu:
   (a) kata bilangan tentu,
   (b) kata bilangan tak tentu,
   (c) kata bilangan himpunan,
   (d) kata bilangan pisahan,
   (e) kata bilangan pecahan,
   (f) kata bilangan tingkat.

B **Cari dan garisi kata penguat, kata penegas, dan kata nafi yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah.**

1. Izzah disenangi rakan-rakannya kerana kelakuannya baik _____.
2. Dia _____ yang meminjam novel saya semalam.
3. Perjalanan ke rumah Pak Ngah Zainal jauh _____ dirasakan oleh datuk.
4. _____ ibu bapa murid dibenarkan untuk berjumpa dengan guru kelas.
5. Wanita yang bertudung biru itu _____ pekerja syarikat pemaju perumahan..

Segmen Bahasa

Kata Penguat
Kata penguat digunakan di hadapan atau di belakang kata adjektif untuk menguatkan maksud kata adjektif tersebut.

Kata Penegas
Kata penegas digunakan untuk menekankan atau menegaskan bahagian tertentu dalam sesuatu ayat.

Kata Nafi
Kata nafi digunakan untuk menidakkan atau menafikan sesuatu perkara.

LIVEWORKSHEETS